

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 29 SEPTEMBER 2021, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 10

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1441-L11555
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menetapkan satu peraturan tetap mengenai pemasangan mesin ATM di kawasan luar bandar bagi memberi kemudahan wang tunai dan apakah insentif segera kepada pihak bank komersial menyediakan perkhidmatan ATM tersebut.

2. PR-1441-L12582
Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan berapa sekolah daif di Sarawak telah dinaik taraf dan dipulihkan dalam tahun 2019, 2020 dan 2021, status pelaksanaan projek dan perbelanjaan masing-masing dan bilangan murid yang dimanfaatkan dengan usaha ini.

3. PR-1441-L11793
Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah strategi dalam memastikan keselamatan makanan tidak terjejas khususnya ketika negara mendepani situasi pandemik COVID-19 ketika ini.

4. PR-1441-L12262
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha drastik yang dilakukan oleh pihak Kementerian untuk menginstitusikan dan meningkatkan perwakilan wanita di Parlimen serta perancangan jangka panjang secara sistematik untuk memastikan sasaran minimum 30% dilaksanakan.

5. PR-1441-L12057
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dibuat untuk menjadikan mata pelajaran Pendidikan Islam sebagai mata pelajaran teras bagi pelajar beragama Islam.
6. PR-1441-L12487
Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah langkah proaktif Kerajaan untuk mengatasi kekurangan bekalan makanan tempatan yang kini terpaksa bergantung kepada import makanan melebihi RM51 bilion setahun.
7. PR-1441-L12304
Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-
 - (a) apakah pelan perancangan pihak Kementerian untuk memastikan akses internet dan telekomunikasi yang mampan di negeri Sarawak khususnya di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman untuk memastikan isu jurang digital dapat diselesaikan; dan
 - (b) nyatakan dengan lebih jelas apakah usaha yang telah dilakukan untuk meningkatkan akses Internet dan telekomunikasi yang lebih baik di kawasan Parlimen Julau .
8. PR-1441-L11848
Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah yang kehilangan pekerjaan sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu golongan yang hilang pekerjaan, terutamanya sektor pelancongan, hotel dan F&B untuk mendapat kembali pekerjaan masing-masing.
9. PR-1441-L12339
Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian untuk memperbaiki kerosakan dan pemendapan pada ban pertanian dan struktur pintu air di kawasan Parlimen Tanjong Manis, termasuk di Paloh Kedang dan Utara Pulau Bruit. Kerosakan ban pertanian ini telah mengakibatkan kemusnahan tanaman dan kerugian kepada penduduk kampung.

10. PR-1441-L11680
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pengedaran 150,000 unit komputer riba yang diluluskan dalam Belanjawan 2021, terutamanya di Sabah. Adakah Kementerian akan menambah lagi pengedaran komputer riba bagi memudahkan pelaksanaan program Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sepanjang tempoh pandemik COVID-19.
11. PR-1441-L11521
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status terkini program i-Citra KWSP yang telah dilaksanakan pada bulan Julai 2021.
12. PR-1441-L12422
Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bagaimanakah Kementerian ingin memastikan kualiti graduan tidak terjejas semasa tempoh pandemik COVID-19.
13. PR-1441-L12333
Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah yang boleh dilaksanakan oleh Kementerian berkenaan mempromosikan kawasan luar bandar yang masih terpinggir namun berpotensi untuk diketengahkan sebagai destinasi baru pelancongan.
14. PR-1441-L11742
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penggunaan peruntukan di bawah Kumpulan Wang COVID-19 sejak ditubuhkan, termasuk baki yang masih ada, dan apakah strategi Kerajaan selanjutnya untuk menambah/meningkatkan dana bagi menampung perbelanjaan tambahan melalui Kumpulan Wang COVID-19 ini.
15. PR-1441-L12040
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah perancangan untuk membangunkan pelan jaringan internet yang lebih baik di kawasan pedalaman khususnya di daerah Sik bagi memudahkan urusan pengajian atas talian pelajar sekolah dan universiti.

16. PR-1441-L12285
Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk menarik minat warganegara tempatan untuk terlibat khususnya dalam industri perikanan. Apakah jenis insentif yang akan disediakan untuk menjayakan program ini.
17. PR-1441-L11998
Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan pelan jangka pendek Kementerian untuk menangani isu keciciran murid sekolah terutamanya melibatkan golongan yang berhadapan dengan masalah ketika pelaksanaan PdPR.
18. PR-1441-L12471
Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah mandat yang diberikan kepada Bank Negara Malaysia dalam mengawasi Tabung Haji. Adakah termasuk pengawasan pelaburan dan adakah mandat ini akan berakhir sebaik sahaja urusan Suruhanjaya Siasatan Diraja Tabung Haji tamat.
19. PR-1441-L11499
Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lepar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah lambakan hasil pertanian, penternakan dan bahan mentah yang mengakibatkan kerugian besar dihadapi oleh pengusaha kerana tidak dapat menjual hasil mereka semasa penularan wabak COVID-19.
20. PR-1441-L12609
Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan penjelasan berkaitan nisbah pekerja sosial yang sedia ada dan apakah tindakan yang diambil untuk memenuhi kekurangan yang sangat ketara.
21. PR-1441-L12131
Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) apakah langkah drastik yang telah diambil oleh Kementerian bagi membantu pengusaha bas yang berhadapan situasi gulung tikar akibat daripada sekatan rentas negeri; dan
 - (b) adakah terdapat sebarang usaha bagi memastikan pengusaha bas ini mampu bertahan sekiranya larangan rentas negeri masih berterusan.

22. PR-1441-L11518
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan status menara-menara komunikasi di bawah Projek Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang dikatakan masih dalam peringkat pelaksanaan di kawasan luar bandar.
23. PR-1441-L11556
Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan status terkini peperiksaan utama negara akibat daripada peningkatan kes COVID-19 yang melanda negara:-
- (a) bagaimana persediaan sekolah-sekolah untuk para calon memandangkan penangguhan pembukaan sekolah hingga Oktober depan; dan
 - (b) berapa kes COVID-19 yang melibatkan pelajar sekolah rendah dan menengah.
24. PR-1441-L11776
Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah langkah Kementerian bagi meningkatkan pendapatan para petani yang terjejas jualan tanaman akibat sekatan merentas negeri.
25. PR-1441-L11851
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bilakah 5G di Pulau Pinang akan dilaksanakan serta diperluaskan ke kawasan industri seperti Zon Perindustrian Perai, Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas dan Kawasan Perindustrian Batu Kawan yang memerlukan jaringan komunikasi yang lebih pantas bagi memanfaatkan IR4.0.
26. PR-1441-L11524
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang Kerajaan dan kadar defisit yang dihadapi negara ketika ini dan apakah kaedah-kaedah yang perlu diambil untuk meringankan hutang negara, menambah pendapatan negara dan memastikan ekonomi tumbuh dengan baik.
27. PR-1441-L11935
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan peratus peminjam bank yang telah diluluskan permohonan mereka dan nilai keseluruhan yang terlibat dalam pelaksanaan moratorium di bawah Pakej PEMULIH kali ini. Sama ada terdapat aduan daripada peminjam bahawa permohonan untuk moratorium telah ditolak oleh bank.

28. PR-1441-L12158
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) jumlah hutang negara dan liabiliti sebenar Kerajaan pada tahun 2018, 2019, 2020 dan 2021 (terkini); dan
 - (b) langkah-langkah untuk memulihkan ekonomi serta meningkatkan hasil pendapatan negara susulan impak wabak COVID-19.
29. PR-1441-L11740
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peminjam yang telah memohon dan diluluskan moratorium pinjaman bank di bawah PEMULIH dan apakah sebab Kerajaan dan pihak bank enggan melaksanakan moratorium tersebut tanpa faedah atau caj tambahan.
30. PR-1441-L11905
Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan laporan semasa pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara dalam membantu negara kita keluar dari krisis pandemik COVID-19.
31. PR-1441-L12045
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk pemberian bantuan khas 'Menunggu Musim Menuai' kepada pesawah padi sepertimana yang telah dilaksanakan sebelum ini.
32. PR-1441-L11898
Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sistem temujanji yang digunakan oleh JPJ dan Puspakom telah mewujudkan banyak masalah seperti kebanyakan slot telah diambil oleh *runners* mengakibatkan orang ramai susah untuk mendapatkan slot itu. Terangkan cara untuk mengatasi masalah ini.
33. PR-1441-L12602
Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah Rancangan Dua Belas Malaysia menyatakan sokongan kepada Majlis Media yang dijanjikan menubuhkan supaya mempertahankan Perlembagaan Persekutuan Artikel 10 tentang kebebasan bersuara, berkumpul dan berpersatuan.

34. PR-1441-L11590

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pemberian Kerajaan Persekutuan kepada negeri bagi pemberian mengikut bilangan orang dan pemberian jalan negeri pada tahun 2020 bagi setiap negeri masing-masing.

35. PR-1441-L12504

Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan berniat untuk mempertimbangkan peringanan kuantitatif (*quantitative easing*) sebagai satu pilihan; dan
- (b) adakah Bank Negara Malaysia (BNM) akan menjalankan kajian kebolehlaksanaan dan melaporkan kepada Parlimen.

36. PR-1441-L12409

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sama ada Kementerian dapat menyediakan inisiatif tertentu berkaitan situasi di mana pembatik dan karyawan semakin meninggalkan industri seni dan kebudayaan berikutan pendapatan yang terjejas akibat COVID-19 dan harus beralih ke bidang yang lain bagi menyara kehidupan.

37. PR-1441-L11653

Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) statistik bagi pendakwaan terhadap mereka yang telah didakwa atas kesalahan bunuh diri menurut Seksyen 309 Kanun Keseksaan sepanjang tempoh pandemik; dan
- (b) inisiatif yang tidak berorientasikan perundangan bagi membantu mereka yang mempunyai masalah tekanan mental yang berkecenderungan untuk bunuh diri.

38. PR-1441-L12248

Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah dana Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) yang telah dibelanja untuk membeli vaksin sehingga 21 Julai 2021 dan jumlah pembayaran pembelian vaksin dibelanja tanpa menggunakan dana KWAN sehingga kini.

39. PR-1441-L11505
Dato' Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandram [Kuala Langat] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan berapa bilangan dan kos telaga tiub yang telah dibina dalam Rancangan Malaysia Ke-11 iaitu dari tahun 2016-2020 dan bagaimana pembinaan telaga tiub ini telah membantu rakyat menghadapi masalah bekalan air bersih.
40. PR-1441-L12289
Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan hasil dapatan daripada penubuhan Jawatankuasa Kerja Penambahbaikan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) dan tindakan susulan yang diambil oleh Kementerian.
41. PR-1441-L11470
Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan status terkini projek-projek KPM dengan YTL Corporation berhubung Bestarinet dan pencawang-pencawang yang telah dibangunkan oleh YTLC di premis-premis KPM.
42. PR-1441-L12560
Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) apakah polisi perlindungan yang sedia ada bagi pelajar sekolah seperti Ain Husniza dalam isu keganasan berasaskan gender termasuk gangguan seksual di sekolah ; dan
 - (b) apakah mekanisme serta polisi Kerajaan terhadap guru-guru, staf sokongan dan pelajar-pelajar untuk menangani masalah gangguan seksual dan jenaka rogol supaya tidak berulang lagi.
43. PR-1441-L11579
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah keluaran i-Sinar dari Tabung KWSP sepanjang pandemik COVID-19.
44. PR-1441-L11539
Dr. Ong Kian Ming [Bangi] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan dengan jelas garis masa untuk 5G 'roll-out' mengikut negeri masing-masing di Malaysia dan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kawasan di luar bandar tidak diabaikan dalam 'roll-out' ini.

45. PR-1441-L12090
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan secara terperinci perkembangan usaha mewartakan perkhidmatan telekomunikasi sebagai ulitili awam serta impak langkah ini kepada ekonomi dan rakyat.
46. PR-1441-L11704
Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kelas PPKI dan kelas pendidikan awal di SK, SJKC dan SJKT pada tahun 2019, 2020 dan 2021 masing-masing.
47. PR-1441-L12096
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan dan perancangan Kerajaan dalam memastikan industri logistik Malaysia bagi pasaran antarabangsa dan tempatan mencapai keupayaan strategik di masa hadapan.
48. PR-1441-L12405
Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian menyelesaikan masalah kekurangan pekerja asing kepada sektor pertanian dan perikanan akibat *lockdown* dan pembekuan pengambilan pekerja asing dan awak-awak.
49. PR-1441-L12454
Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) berapa jumlah dan nilai kontrak perolehan Kerajaan dipecah mengikut Kementerian yang diberikan oleh Kerajaan sejak 15 Mac 2020 hingga 15 Ogos 2021; dan
 - (b) berapa jumlah nilai secara rundingan terus mengikut Kementerian pada tempoh yang sama dan senaraikan syarikat-syarikat yang dilantik.
50. PR-1441-L11586
Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah perincian kos operasi yang dibayar kepada NAFAS bagi tujuan pengendalian benih padi memandangkan harga benih padi subsidi telah naik RM7 dari RM28 kepada RM35.

51. PR-1441-L12500

Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) perincian dan jumlah wang yang Kerajaan telah belanjakan sepanjang tempoh masa Proklamasi Darurat; dan
- (b) jumlah suntikan fiskal yang diperlukan untuk baki tahun kewangan penuh 2021.

52. PR-1441-L12265

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap isu keciciran pembelajaran bagi mereka yang tidak mampu mengikuti PdPR akibat tiada peranti serta kemudahan internet, perlukah mereka mengulangi sesi persekolahan tahun 2020 dan 2021 yang terjejas.

53. PR-1441-L12249

Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan status terkini program pemberian tablet dengan perisian Tutor Guru seperti:-

- (a) jumlah pembayaran telah dibuat ; dan
- (b) jumlah tablet telah diterima dan baki dana yang belum dibelanja.

54. PR-1441-L11708

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan pelan jangka masa panjang sistematik dari KPM untuk menangani isu gangguan seksual di sekolah memandangkan 275 testimoni oleh para bekas pelajar dan pelajar semasa mengenai kes-kes gangguan seksual, buli dan pemeriksaan haid.

55. PR-1441-L11787

Datuk Mohd. Azis bin Jamman [Sepanggar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan melalui lapan pakej bantuan dan rangsangan ekonomi yang dibuat sepanjang tempoh pandemik COVID-19, berapa purata bantuan langsung yang diberikan oleh Kerajaan (mengikut pecahan jenis bantuan) kepada setiap individu dan isi rumah golongan B40 dan M40.

56. PR-1441-L11509

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan berapa jumlah kerugian sektor pertanian akibat pandemik COVID-19 dan apakah bantuan daripada Kementerian kepada petani-petani yang mengalami kerugian tersebut.

57. PR-1441-L12468

Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa bayaran khidmat hutang Kerajaan bagi setiap ringgit hasil yang dikutip pada tahun 2020. Memandangkan jumlah peruntukan Kumpulan Wang COVID-19 telah meningkat RM45 bilion berbanding yang diluluskan untuk tahun 2021, apakah rancangan Kerajaan untuk menampung kos pinjaman tambahan tersebut.

58. PR-1441-L12489

Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah Kerajaan untuk mengatasi kredit *rating* negara yang telah diturunkan taraf oleh *International Fitch Rating* pada tahun 2020 dan rancangan kerajaan untuk membayar hutang negara yang kini telah melepasi paras berbahaya RM1.2 trilion.

59. PR-1441-L11937

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Kerajaan telah menggunakan simpanan negara dan pinjaman untuk membiayai pakej rangsangan ekonomi susulan pandemik COVID-19, nyatakan:-

- (a) jumlah pinjaman bagi setiap bulan dari Januari 2021 sehingga Ogos 2021 dan nama pemberi pinjaman; dan
- (b) jumlah rizab antarabangsa Bank Negara setakat bulan Ogos 2021 dan jumlah hutang luar negeri dan jumlah rizab negara setakat Ogos 2021.

60. PR-1441-L11682

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil Kerajaan bagi mengatasi fenomena semakin ramai rakyat Malaysia semakin hari semakin miskin. Bagaimanakah Kerajaan bercadang membantu meningkatkan pendapatan kumpulan isi rumah yang sebelum ini berpendapatan melebihi RM4,850.00 sebulan (M40) tetapi kini tercicir ke bawah paras tersebut (B40).

61. PR-1441-L12359

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk mengarahkan moratorium pinjaman bank dilaksanakan tanpa faedah tambahan terhadap peminjam-peminjam dalam masa pandemik COVID-19.

62. PR-1441-L11667
Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [Segambut] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik terkini Semakan Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak mengikut pecahan negeri, jumlah permohonan, status semakan, kekerapan mengemas kini data dan pecahan keputusan yang mempunyai rekod dan tidak mempunyai rekod.
63. PR-1441-L12259
Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rancangan beliau dalam menangani kejatuhan kutipan hasil untuk tahun 2020 dan 2021 ketika negara berdepan melawan pandemik COVID-19.
64. PR-1441-L12451
Datuk Ignatius Darell Leiking [Penampang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah terdapat rancangan atau pelan untuk mengubah suai kapal terbang penumpang kepunyaan MAS menjadikan kapal terbang kargo untuk menampung peningkatan pesat permintaan perkhidmatan kargo udara sebagai sebahagian daripada perancangan pemulihannya.
65. PR-1441-L11948
Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah keputusan yang diambil Kementerian bagi persiapan SPM, STPM dan STAM 2021.
66. PR-1441-L11769
Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pandan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci pendapatan, perbelanjaan operasi dan perbelanjaan pembangunan negara bagi tempoh 6 bulan pertama tahun 2021 dan membandingkannya dengan unjuran pendapatan dan peruntukan belanjawan yang diluluskan.
67. PR-1441-L12589
Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan komitmen Kerajaan untuk mengkaji dan melaksanakan cukai keuntungan besar (*windfall tax*) untuk membantu membiayai pelan pemulihan dan strategi keluar (*exit strategy*) negara. Antara desakan untuk mengenakan cukai *windfall* adalah kepada syarikat pengeluar sarung tangan.

68. PR-1441-L12408
Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-
- (a) apakah pelan pemulihan sedia ada memadai memandangkan UNWTO telah menjangkakan industri pelancongan hanya akan pulih menjelang 2023; dan
 - (b) sejauh manakah usahasama Kementerian bersama agensi lain dalam mementingkan gerak kerja berteraskan data dalam mencapai sasaran pemulihan pelancongan negara.
69. PR-1441-L12039
Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam menghadapi pembukaan sekolah yang setakat ini dirancang pada bulan Oktober.
70. PR-1441-L11475
Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan mekanisme yang digunakan untuk memastikan anak-anak di pedalaman yang tiada capaian internet agar tidak ketinggalan pelajaran dan proses PdPR.
71. PR-1441-L12311
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah Kerajaan ingin membentangkan strategi menyeluruh menangani COVID-19, menjana pertumbuhan ekonomi dan menjamin kesejahteraan rakyat.
72. PR-1441-L12484
Tengku Zulpuri bin Raja Puji [Raub] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah dasar baru Kementerian (pusat) melalui Jabatan Pertanian dengan Kerajaan negeri untuk merealisasikan pertanian secara lestari, kerana banyak lagi pencemaran air sungai serta masalah air bersih untuk rakyat.
73. PR-1441-L12588
Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pelan pemulihan ekonomi yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk negeri Sarawak.
74. PR-1441-L11894
Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah cukai luar jangka (*Windfall Tax*) telah dikutip oleh Kerajaan dari sektor kelapa sawit pada 2 tahun ini.

75. PR-1441-L12669

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sumbangan KDNK dan jumlah pendapatan yang diperoleh daripada setiap negeri pada tahun 2019, 2020 dan anggaran 2021 dengan mengikut pecahan negeri. Apakah balasan balik untuk kedua-dua tahun ini kepada negeri-negeri tersebut.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. Usul dibuat oleh Perdana Menteri dan masalah dicadangkan :-

"(a) **BAHAWA** Dewan ini,

menyedari akan cabaran untuk memulih serta menjana semula ekonomi negara bagi mencapai pertumbuhan yang mampan, dengan mengambil kira landskap sosioekonomi pasca COVID-19 dan pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020;

merestui usaha Kerajaan untuk merancang dan melaksanakan agenda pembangunan negara yang mampan selaras dengan semangat Keluarga Malaysia, aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Agenda Pembangunan Mampan 2030; dan

meluluskan Rancangan Malaysia Kedua Belas bagi tempoh 2021 hingga 2025 yang menetapkan hala tuju strategik bagi mencapai objektif "Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan" dengan memberi tumpuan kepada usaha untuk merencanakan kembali pertumbuhan ekonomi, memastikan kemakmuran negara dapat diagihkan secara lebih adil dan saksama serta mengekalkan kelestarian alam sekitar, menurut Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2021.

(b) **BAHAWA** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kedua Belas, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan sepenuh komitmen dan iltizam yang jitu untuk membangunkan negara secara mampan bagi membolehkan setiap ahli Keluarga Malaysia tanpa mengira agama, bangsa dan kaum menikmati taraf hidup yang wajar. "

Menyambung semula Perbahasan atas masalah [28 September 2021]

- | | | | |
|----|-----------------|---|-------------------------------|
| 2. | (D.R 3/2021) | Rang Undang-Undang Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2021 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 3. | (D.R 24/2020) | Rang Undang-Undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2020 | " |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 4. | (D.R 13/2020) | Rang Undang-Undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020 | " |
| | | [Menteri Sumber Manusia] | |

5. (D.R 14/2020) Rang Undang-Undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Sumber Manusia]

6. (D.R 15/2020) Rang Undang-Undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020 "

[Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi]

7. (D.R 12/2020) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 "

[Menteri Dalam Negeri]

8. (D.R 2/2021) Rang Undang-Undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2021 "

[Menteri Kewangan]

9. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM16,500 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dari Januari hingga Ogos 2021 ke Kumpulan Wang Pembangunan".

10. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM7,000 juta di bawah seksyen 3(1) Akta 275 dan seksyen 4(2) Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830], iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dari Januari hingga Ogos 2021 ke Kumpulan Wang COVID-19".

11. PR-1441-U(27)201
Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan supaya meminda Perkara 150(3) Perlembagaan Persekutuan bagi memperjelaskan tatacara pembatalan Proklamasi Darurat dan Ordinan-Ordinan Darurat."

[Perdana Menteri]

12. PR-1441-U(27)202

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan Persekutuan supaya melakukan pindaan Perlembagaan terhadap Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan untuk memberi kuasa Kerajaan-Kerajaan negeri dalam bidang kesihatan awam dan juga aktiviti kegiatan ekonomi."

[Perdana Menteri]

13. PR-1441-U(27)203

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Merasai penderitaan rakyat akibat kehilangan insan tersayang akibat COVID-19, kehilangan sumber pendapatan, serta kesukaran meneruskan pembelajaran dan pengajaran dalam sistem persekolahan yang sedia ada;

Menyedari pelbagai masalah dan kecelaruan dalam pembuatan serta pelaksanaan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan dan Kerajaan di peringkat Kampung;

Menyedari hakikat bahawa struktur Majlis Keselamatan Negara yang ada terbukti tidak dapat merangkumi secukupnya suara pembangkang Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan negeri untuk membentuk muafakat rentas-parti dan rentas Kerajaan yang berkesan untuk menangani pemulihan ekonomi dan kesihatan;

Mengambil maklum dasar dan SOP yang diperlukan untuk menangani wabak COVID-19 mungkin tidak popular pada permulaan dan hanya boleh berjaya jika tanggungjawab politik ditanggung bersama oleh semua parti politik dan Kerajaan negeri sebagai Tim Malaysia untuk meyakinkan masyarakat;

Mengambil maklum pemusatan kuasa dalam bidang kesihatan dan kesihatan awam di bawah Jadual ke-Sembilan Perlembagaan Persekutuan yang telah menghindari Kerajaan-Kerajaan negeri daripada memberikan sumbangan yang lebih besar dalam melawan wabak COVID-19; dan

Menerima hakikat peri pentingnya pandangan dan sokongan Ketua-Ketua Menteri dan Menteri-Menteri Besar, pemimpin-pemimpin kanan parti Pembangkang dan pakar-pakar dalam masyarakat, sektor profesional dan sektor swasta untuk membantu Menteri-Menteri Persekutuan dan pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis dalam pembuatan keputusan dasar serta SOP yang inklusif;

Maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah bersetuju untuk mencadangkan Kerajaan supaya menubuhkan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI UNTUK PEMULIHAN EKONOMI DAN KESIHATAN RAKYAT dengan terma-terma seperti berikut:-

1. Majlis ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri dengan Ketua Pembangkang Parlimen sebagai timbalan pengerusi;
2. Dianggotai oleh tiga kumpulan: Pertama, sejumlah menteri termasuk Menteri Pertahanan, Menteri Kesihatan, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Dalam Negeri, Menteri Pelancongan, Menteri Pendidikan dan Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak; Kedua, ahli-ahli parlimen pembangkang yang menggambarkan kepelbagaian parti dan dalam jumlah yang sama; dan ketiga, semua Ketua Menteri dan Menteri Besar daripada 13 buah negeri;
3. Menerima input profesional dan kepakaran daripada sektor ekonomi, kesihatan awam dan pendidikan bersama-sama pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis; dan
4. Bermesyuarat setiap minggu sebelum mesyuarat Kabinet untuk menerima laporan dan mengambil tindakan atas perkara-perkara seperti pengangguran dan penutupan perniagaan, jangkitan, kemasukan hospital (*hospitalization*) dan kematian akibat COVID-19, prestasi vaksinasi rakyat ; Pelaksanaan SOP, keadaan persekolahan dan prestasi sektor utama ekonomi;

DAN bersetuju untuk menuntut Perdana Menteri melaporkan status penubuhan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI dalam tempoh 60 hari daripada usul ini dipersetujui oleh Dewan Yang Mulia ini. "

[Perdana Menteri]

14. PR-1441-U(27)204

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Usul Menambah 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas sebagai tambahan kepada 9 Jawatankuasa Pilihan Khas yang sedia ada.

Menerima hakikat bahawa terdapat 20 lagi portfolio dalam Kementerian-Kementerian yang belum lagi dimasukkan dalam 9 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang sudah ditubuhkan.

Menyedari tuntutan rakyat agar Ahli-ahli Parlimen memainkan peranan untuk memastikan agar duit cukai mereka digunakan sebaik-baik mungkin untuk kesejahteraan rakyat.

Menyedari juga kewajipan-kewajipan Ahli-ahli Parlimen sebagai tonggak pelaksanaan institusi parlimen sebagai semak dan imbang terhadap Kerajaan dan

Menerima hakikat bahawa masih ada 88 Ahli Dewan Rakyat serta sebilangan Ahli-ahli Dewan Negara yang belum dilantik dalam mana-mana Jawatankuasa Parlimen.

Maka saya dengan ini (bagi pihak 55 Ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah menghantar memorandum kepada Tuan Yang di-Pertua mohon supaya ditubuhkan 13 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen) meminta supaya Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan menubuhkan 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen seperti berikut: Sekiranya jumlah MP bagi setiap PSSC tidak ditambahkan, kami menyeru Kerajaan untuk mempertimbangkan 13 PSSC baharu bagi portfolio-portfolio berikut:

No	Portfolio Menteri	PSSC Sepadan Diperlukan
1	JPM - Hal Ehwal Sabah dan Sarawak	Federalisme dan Desentralisasi*
2	JPM - Hal Ehwal Agama	Hal Ehwal Agama*
3	Hal Ehwal Luar Negeri	Hal Ehwal Luar Negeri
4	Alam Sekitar dan Air	Alam Sekitar dan Air
5	Tenaga dan Sumber Asli	Tenaga dan Sumber Asli
6	Pengangkutan	Pengangkutan**
7	Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Perumahan dan Kerajaan Tempatan**
8	Wilayah Persekutuan	Wilayah Persekutuan
9	Sumber Manusia	Sumber Manusia
10	Komunikasi dan Multimedia	Komunikasi dan Multimedia
11	Belia dan Sukan	Belia dan Sukan
12	Pelancongan, Seni dan Budaya	Pelancongan, Seni dan Budaya
13	Perpaduan Negara	Perpaduan Negara
14	Pembangunan Usahawan dan Koperasi	Pembangunan Usahawan dan Koperasi

[Perdana Menteri]

15. PR-1441-U(27)205

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuanan] akan mencadangkan :-

"Usul Pindaan Perlembagaan Pasal 1(2).

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad dalam Kerajaan yang lalu sudah pun mengumumkan bahawa Sabah dan Sarawak adalah *equal partner* persekutuan Malaysia. Dan

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tan Sri Mahiaddin Yassin juga telah mengumumkan status Sabah dan Sarawak sebagai Wilayah. Dan

Menyedari pelbagai kekeliruan di kalangan anggota perkhidmatan awam dan juga rakyat jelata telah timbul akibat daripada siri pengumuman tersebut.

Menerima hakikat bahawa rakyat Sabah dan Sarawak sudah sekian lama membuat tuntutan agar kedudukan Sabah dan Sarawak sebagai *equal partner* ditunai dan dilaksanakan melalui perundangan. Dan

Menerima hakikat tentang sebutan asal Perlembagaan Persekutuan sebenarnya sudah mengambil kira kedudukan Sabah tersebut sebelum pindaan Pasal 1(2) dilakukan pada tahun 1976.

Maka dengan itu Dewan yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan agar Kerajaan membentangkan pindaan terhadap Pasal 1(2) dengan memasukkan kehendak dan cadangan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dalam sesi persidangan parlimen kali ini."

[Perdana Menteri]

16. PR-1441-U(27)206

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49(1) kepada Yang Berhormat Ahli bagi Kawasan Pengerang untuk mencadangkan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2021 dan Rang Undang-Undang Pemecatan Ahli-ahli Parlimen 2021."

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2021</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 1	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Getah Malaysia Properties Corporation (LGMPC) Bagi Tahun 2019	29 September 2021
ST. 5	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia Bagi Tahun 2019	29 September 2021
ST. 109	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional Bagi Tahun 2020	29 September 2021
ST. 111	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Agensi Kelayakan Malaysia Bagi Tahun 2019	29 September 2021
ST. 112	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia Bagi Tahun 2019	29 September 2021
ST. 114	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan Bagi Tahun 2019	29 September 2021
ST. 115	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Pendidikan Sultan Idris Bagi Tahun 2019	29 September 2021
ST. 128	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia Bagi Tahun 2019	29 September 2021
ST. 129	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Koko Malaysia Bagi Tahun 2019	29 September 2021
ST. 139	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam Bagi Tahun 2019	29 September 2021
ST. 156	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Getah Malaysia Bagi Tahun 2019	29 September 2021
ST. 158	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) Bagi Tahun 2019	29 September 2021

****UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 29.09.2021 (Rabu)	1. YB Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh (Ledang)	1. Permohonan Pembinaan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Mini Dalam Daerah Tangkak	1. YB Menteri Pembangunan Luar Bandar
2. 29.09.2021 (Rabu)	2. YB Tuan Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)	2. Program-program Meningkatkan Bekalan Elektrik Di Pantai Timur Sabah	2. YB Menteri Tenaga Dan Sumber Asli

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**